

- e) tentang pandangan bahawa program ini sepatutnya ditawar dan diuruskan oleh UUMKL. Manakala dari segi hakmilik program, ianya adalah menjadi hakmilik Pusat Pengajian berkenaan
- ii. bersetuju meluluskan cadangan penawaran program Ijazah Sarjana Sains Kewartawanan Multimedia di UUMKL seperti yang dibentangkan dengan mengambil kira pandangan seperti di para (e) di atas.

Dekan  
SMMTC /  
Pengarah UUMKL

**2.6 KERTAS KERJA BIL. 142/2018 - CADANGAN PENAWARAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA KESUSASTERAAN KONTEMPORARI DAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF (DENGAN KEPUJIAN) BACHELOR OF ARTS IN CONTEMPORARY LITERATURE AND CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT (HONOURS) KOLEJ SASTERA DAN SAINS**

Mesyuarat

- i. mengambil maklum:
    - a) tentang cadangan penawaran program dwimajor Ijazah Sarjana Muda Sastera Kesusasteraan Kontemporari dan Pengurusan Industri Kreatif (dengan kepujian)/ *Bachelor of Arts in Contemporary Literature and Creative Industry Management (Honours)*;
    - b) tentang matlamat program ini adalah untuk melahirkan graduan yang berkebolehan dan berdaya saing serta mempunyai asas keusahawanan yang tinggi dalam pasaran tenaga kerja melalui penglahiran produk karya kreatif kontemporari dan menguasai kemahiran berfikir kritis dan kreatif di samping berkolaborasi secara lebih produktif antara akademik dan industri selari arus perubahan semasa;
    - c) tentang struktur kurikulum adalah seperti berikut:
1. Ijazah Sarjana Muda Sastera Kesusasteraan Kontemporari dan Pengurusan Industri Kreatif (dengan kepujian) akan dianugerahkan kepada pelajar yang memenuhi sekurang-kurangnya 150 jam kredit melalui struktur program berikut:

KOMPONEN	JAM KREDIT
Teras Universiti	25 jam kredit
Teras Program	14 jam kredit
Major Pertama	54 jam kredit
Major Kedua	54 jam kredit
Elektif Bebas	3 jam kredit
<b>Jumlah</b>	<b>150 jam kredit</b>

- Komponen program telah memenuhi keperluan Majlis Pengajian Tinggi Negara (MPTN) seperti di Lampiran 3 rujuk portal.
- Struktur program adalah seperti di Lampiran 4 rujuk portal.

## 2. Kandungan dan struktur program

Bidang ilmu yang menjadi tunjang kepada kekuatan program ini meliputi ilmu kesusasteraan yang boleh memandu graduan ke arah berfikiran kritis dan imaginatif. Adunan ilmu kesusasteraan dan penggunaan teknologi dengan pengurusan industri kreatif akan melahirkan graduan berbakat dan mampu menghasilkan produk dengan lebih berinovasi dan penuh kreativiti.

Kursus Proses Pengkaryaan, Warna dan Gaya Bahasa Karya Kreatif, Konsep Kepenggarangan Karya Kreatif, Terjemahan Sastera Kreatif, dan Pengurusan dan Pemasaran Karya Sastera umpamanya, menyumbang kepada penglahiran graduan yang berciri pengurusan dan keusahawanan, manakala kursus Estetik Karya Kreatif, Karya Kreatif dan Pembangunan Modal Insan pula dapat mengukuhkan kemahiran insaniah melalui penerapan konsep pembelajaran berterusan, kemahiran keusahawanan, kemahiran berfikir aras tinggi, berwibawa, beretika dan berwawasan ke arah melahirkan graduan yang holistik.

## 3. Penilaian / pemarkahan - pengurusan peperiksaan

Kaedah penilaian yang diguna pakai dalam program ini dirangka agar mempunyai perkaitan langsung dengan Hasil Pembelajaran Program (PLO). Bagi memastikan aspek keberhasilan tercapai, penilaian akan mengambil kira lapan (8) domain utama seperti yang digariskan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM).

Menerusi struktur kurikulum yang digubal, beberapa kursus secara langsung menyediakan modal insan yang berkemahiran dalam mencipta, mengadaptasi dan mengkomersialkan karya kreatif seperti kursus Konsep Kepenggarangan Karya Kreatif, Warna dan Gaya Bahasa Karya Kreatif, Terjemahan Sastera Kreatif, Pengurusan dan Pemasaran Karya Sastera, Proses Pengkaryaan, Kritikan Karya Kreatif, dan Retorik Karya Kreatif, (domain pengetahuan, domain pengurusan keusahawanan dan domain kemahiran praktikal). Kombinasi perbincangan dalam kursus-kursus berkenaan yang menyentuh isu etika dan

kemanusiaan dapat melahirkan modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek, serta mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan, bijak membuat keputusan dan menggalakkan mereka mengamalkan amalan baik dalam kehidupan (domain komunikasi dan kemahiran kerja berkumpulan). Sementara itu, kaedah saintifik diterapkan melalui pengenalan teori (dalam sesi perkuliahan dan Projek Ilmiah) dan aplikasi teori dalam membuat keputusan (Latihan Industri dan Projek Ilmiah).

Lapan (8) domain utama yang digariskan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) dipenuhi melalui kaedah penilaian program seperti tugas bertulis dan peperiksaan akhir (domain pengetahuan); sesi pengajaran dan pembelajaran di makmal (domain kemahiran praktikal atau psikomotor). Manakala kaedah saintifik diterapkan melalui pengenalan teori (dalam sesi perkuliahan dan Projek Ilmiah) dan aplikasi teori dalam membuat keputusan (Latihan Industri dan Projek Ilmiah). Selain itu, kaedah penilaian seperti pembentangan dan kerja berkumpulan dapat membantu menerapkan domain kemahiran komunikasi dan kerja berkumpulan. Pelajar program ini juga akan disemai dengan domain pengurusan keusahawanan seperti kursus Pengurusan dan Pemasaran Karya Sastera.

Semua kursus yang dicadangkan dalam program baharu ini didapati sangat menepati dan relevan dengan kehendak pasaran serta memenuhi keperluan ilmu dalam bidang berkaitan.

#### 4. Pengiktirafan / ulasan badan profesional berkaitan

Program ini mendapat pengiktirafan daripada *Malaysian Qualification Agency (MQA)* pada 27 Februari 2017.

##### d) tentang skema pengajian seperti berikut:

###### 1. Agihan Kredit mengikut semester

- Pelajar adalah tertakluk kepada syarat pendaftaran kursus mengikut semester seperti yang ditetapkan oleh universiti dan program pengajian, iaitu antara 19 hingga 22 jam kredit. (Rujuk Lampiran 5 rujuk portal).

## 2. Latihan Industri (Praktikum)

- Dilaksanakan di akhir pengajian, setelah pelajar memenuhi semua keperluan program seperti yang ditetapkan. Pelajar mengikuti praktikum selama empat (4) bulan, di organisasi yang berkaitan dengan bidang ilmu teras pelajar.
- \*Merujuk mesyuarat Senat kali ke-276 Bil. 2/2018 tentang pandangan bahawa sekiranya tempoh praktikum adalah (6) bulan, maka kod praktikum perlu diubah, dan jumlah jam kredit bergraduat turut berubah.
- Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah (SLCP) mengambil maklum perkara tersebut dan bersetuju untuk mengekalkan tempoh latihan industri empat (4) bulan. Hal ini mengambil kira pertimbangan berikut:
  - i. Kaedah penilaian yang diguna pakai telah memenuhi tuntutan dan keperluan CLO setiap kursus. Kemahiran saintifik dibekalkan kepada pelajar melalui Projek Ilmiah berjumlah 6 jam kredit, dan seterusnya aplikasi teori dalam membuat keputusan melalui Latihan Praktikum berjumlah 8 jam kredit selama 4 bulan. Gabungan teori dan praktikal itu memudahkan graduan mencebur kerjaya dalam bidang berkaitan setelah tamat pengajian.
  - ii. Mengambil kira pandangan panel penasihat pengajian dan laporan kajian pasaran, iaitu tempoh praktikum empat (4) bulan sudah memadai. Bagi yang mengikuti program ini, lulusan graduan sudah mempunyai ilmu teori dan praktikal. Pelajar juga perlu mendapat bimbingan dari pihak industri secara berterusan, bukan hanya di dalam Latihan Praktikum sahaja kerana kebanyakan ilmu yang dipelajari berbentuk vokasional dan hanya dapat di kuasai secara beransur-ansur. Latihan Praktikum perlu melibatkan projek akhir pengajian. Oleh itu, kursus seperti *Management and Marketing Of Literary Works* adalah antara projek akhir yang harus dikendalikan oleh pelajar bagi menambahkan pengalaman dan kemahiran dalam mengurus persembahan seni kreatif.

iii. Selain itu, pertimbangan latihan praktikum seperti tempoh yang dipersetujui juga turut mengambil kira pengkhususan major kedua yang sedia ada, iaitu 4 bulan.

e) tentang silabus program:

Rujuk:

Lampiran 6 – Pemetaan Kursus dan Hasil Pembelajaran  
 Lampiran 7 – Silabus Ijazah Sarjana Muda Sastera Kesusastraan Kontemporari dan Pengurusan Industri Kreatif (dengan Kepujian).

Lampiran 7A – Senarai Sinopsis Kursus yang mempunyai Komponen Sastera Inggeris  
 (semua lampiran sila rujuk portal);

f) tentang calon yang memohon hendaklah mempunyai kelayakan syarat am universiti dan syarat khas program seperti berikut:

Lepasan	Syarat Am Universiti
STPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian (GRED C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian (GRED C) Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan SPM;            DAN</li> <li>• Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya:           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am; dan</li> <li>- Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain</li> </ul>           DAN</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i>.</li> </ul>
MATRIKULASI / ASASI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian (GRED C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau kepujian (GRED C) Bahasa Melayu Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan SPM;            DAN</li> <li>• Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/ Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;            DAN</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i>.</li> </ul>
STAM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa</li> </ul>

	<p>Melayu atau kepujian Bahasa Melayu Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah; DAN</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); DAN</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i>.</li> </ul>
DIPLOMA / SETARAF	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Kepujian Bahasa Melayu Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah; DAN</li> <li>• Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang setaraf dan diiktiraf setaraf dengannya dan diluluskan oleh Senat Universiti; ATAU</li> <li>• Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am; ATAU</li> <li>• Lulus peperiksaan Matrikulasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; ATAU</li> <li>• Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid; DAN</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i>; DAN</li> <li>• Menyertakan dokumen berikut yang telah disahkan kepada pihak Universiti: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Salinan Permohonan Aplikasi Dalam Talian;</li> <li>- Salinan Kad Pengenalan/MyKad calon;</li> <li>- Salinan Sijil Kelahiran Calon, Ibu dan Bapa/Surat Akuan Sumpah (Jika hilang)</li> <li>- Salinan Sijil Berhenti Sekolah/Surat Akuan;</li> <li>- Akuan Majikan (Jika Berkaitan);</li> <li>- Salinan Sijil STPM/Setaraf; dan</li> <li>- Salinan Sijil SPM/Setaraf;</li> <li>- Salinan Transkrip penuh Akademik (Semester 1 hingga akhir);</li> <li>- Salinan Diploma/Sijil (Jika ada)</li> <li>- Salinan Sijil MUET;</li> <li>- Salinan Surat Pengesahan Tamat Pengajian; dan</li> <li>- Salinan Keputusan Bahasa Melayu(Jika ada)</li> </ul> </li> </ul>

Lepasan	Syarat Khas Program
STPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.67 DAN</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Gred B- (NGMP 2.67) dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengajian Am</li> <li>• Mana-mana dua (2) mata pelajaran berikut : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Melayu</li> <li>• Geografi</li> <li>• Sejarah</li> <li>• Kesusastraan Melayu Komunikatif</li> <li>• Mathematics M / Ekonomi</li> </ul> </li> </ul> DAN</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i>; ATAU</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya lulus (Gred D) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Inggeris</li> </ul> DAN</li> </ul> <p>LULUS TEMU DUGA</p>
MATRIKULASI / ASASI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya lulus pada peringkat Matrikulasi/ Asasi dalam semua mata pelajaran pengkhususan.</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i>; ATAU</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya lulus (Gred D) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Inggeris</li> </ul> DAN</li> </ul> <p>LULUS TEMU DUGA</p>
STAM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) DAN</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Gred A pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Melayu / Kesusastraan Melayu</li> </ul> DAN</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Kepujian pada peringkat SPM dalam lima (5) mata pelajaran; DAN</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i>; ATAU</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya lulus (Gred D) pada</li> </ul>

	<p>peringkat SPM dalam mata pelajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Inggeris</li> </ul> <p>DAN</p> <p>LULUS TEMU DUGA</p>
DIPLOMA / SETARAF	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti dengan CGPA minima 2.50;</li> <li>• Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (<i>Band 3</i>) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i>; ATAU <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapat sekurang-kurangnya lulus (Gred D) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran</li> <li>• Bahasa Inggeris</li> </ul> <p>DAN</p> <p>LULUS TEMU DUGA</p> </li> </ul>

\*Merujuk mesyuarat Senat kali ke-276 Bil. 2/2018 tentang pandangan supaya disemak semula syarat-syarat kemasukan ke program ini.

Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah (SLCP) mengambil maklum perkara tersebut dan membuat penambahbaikan seperti yang diperlukan dengan merujuk syarat terkini kemasukan ke UUM seperti yang terdapat dalam portal universiti. Syarat khas program iaitu *Malaysian University English Test (MUET)* juga diubah daripada lulus band 2 kepada band 3.

- ii. bersetuju meluluskan cadangan penawaran program Ijazah Sarjana Muda Sastera Kesusastraan Kontemporari Dan Pengurusan Industri Kreatif (Dengan Kepujian) / Bachelor Of Arts In Contemporary Literature And Creative Industry Management (Honours).

Dekan  
SLCP

## 2.7 KERTAS KERJA BIL. 143/2018 - CADANGAN PENAWARAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN PEMBANGUNAN (B. DEV. MGMT) SECARA KERJASAMA DENGAN KOLEJ SIDMA KUCHING SARAWAK

Mesyuarat

- i. mengambil maklum:
- a) tentang cadangan penawaran program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan (B. Dev. Mgmt.) secara kerjasama dengan Kolej SIDMA, Kuching Sarawak;
  - b) tentang cadangan adalah seperti berikut: